

## Pendorong Kitar Semula Sisa Bateri: Kajian Kes di Bangi, Selangor

Farhah Abdillahil Moktamin (P70009)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

**Pernyataan Masalah:** Kaedah terbaik untuk menguruskan sisa bateri secara minimum adalah dengan melakukan kitar semula. Namun, kebanyakan pelajar kurang berminat untuk mengitar semula sisa bateri kerana mereka merasa ini bukan tanggungjawab mereka. Mereka membuang sisa bateri bersama sisa lain ke dalam tong sampah, sungai atau menyimpan sisa bateri di rumah. Pelajar perlu mengubah sikap mereka agar dapat memelihara alam sekitar dengan mengitar semula sisa bateri dan menterjemahkan kesedaran mereka ke dalam bentuk komitmen. **Objektif:** Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor yang mendorong kepada kitar semula sisa bateri dengan memahami tingkah laku dan kesedaran pelajar terhadap pengurusan sisa bateri menggunakan teori tingkah laku terancang (TPB) di kalangan pelajar sekolah di Bangi. **Metodologi:** Data diperoleh secara kuantitatif melalui kaedah soal kaji selidik. Seramai 349 responden dipilih secara rawak berlapis. **Hasil:** Kajian menunjukkan bahawa faktor norma sosial merupakan penyumbang utama kepada pendorong kitar semula sisa bateri di kalangan responden berdasarkan teori TPB diikuti dengan faktor kesanggupan membayar, sikap dan kawalan tingkah laku. Manakala wujud beberapa hubungan positif dan signifikan antara faktor infrastruktur dan kawalan tingkah laku ( $r^2=0.359$ ); tanggungjawab dan kawalan tingkah laku ( $r^2=0.395$ ); sikap dan niat ( $r^2=0.182$ ); kesanggupan membayar dan tingkah laku ( $r^2=0.332$ ). **Kesimpulan:** Ini menunjukkan bahawa norma sosial yang tinggi dapat mempengaruhi tingkah laku responden dalam mengitar semula sisa bateri dan meningkatkan kesedaran mereka. Sikap responden akan meningkat sekiranya diberikan pelbagai ganjaran sebagai tanda penghargaan mereka melakukan amalan tersebut. Para pelajar memerlukan informasi yang tepat supaya mereka dapat mengubah sikap mereka agar lebih mudah dan bertanggungjawab untuk mengitar semula sisa bateri dan seterusnya meningkatkan kesedaran mereka.